

Impak pemusnah kegiatan manusia

BANYAK bentuk aktiviti manusia mempunyai potensi pemusnah kerana semua kegiatan itu, kemudiannya menjadi besar dan memakan kawasan ekosistem semula jadi.

Menurut Profesor Wong Khoon Meng, Penyelaras Taman Botani Rimba Ilmu, Institut Sains Biologi, Fakulti Sains Universiti Malaya, ia bukan sahaja mengenai penggunaan tanah yang semakin bertambah dengan banyak, malah sesetengah bentuk pembangunan pertanian atau perlombongan sering melibatkan kawasan yang besar dan bertumpu di sesetengah tempat (atas sebab-sebab logistik dan perkhidmatan).

"Ada dua impak ke atas sistem semula jadi. Satu, gangguan yang apabila sampai ke tahap teruk boleh menyebabkan penyahgredan. Impak kedua ialah transformasi di mana berlaku perubahan dalam kegunaan tanah daripada mempunyai ekosistem semula jadi kepada sistem bukan semula jadi seperti kawasan perladangan, empangan, pusat bandar atau lapangan terbang," jelasnya.

Daripada semua keadaan itu, pertanian perladangan besar-besaran dan pembangunan bandar adalah amat ketara.

Di mana sahaja ada kegiatan manusia yang meningkat dan terus meningkat, sering terdapat risiko yang mengancam kepelbagaian biologi.

"Apabila satu kawasan hutan lenyap, habislah juga semua spesies tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta spesies mikroorganisma," katanya.

Beliau mengambil Lembah Klang sebagai contoh apabila ditanya bagaimana kegiatan manusia memberi impak kepada kepelbagaian biologi.

"Pembangunan pesat di mana berlaku gelombang demi gelombang pembangunan menurut sejarah bermula daripada kegiatan perlombongan besar-besaran kepada pertanian perladangan dan kini, urbanisasi menukar sama sekali landskap Lembah Klang.

"Seseorang boleh melihat Lembah Klang kini hampir pupus kebanyakan kepelbagaian biologi yang

pada asalnya terdapat di kawasan tersebut, dalam bentuk hutan, pokok-pokok semula jadi, kehidupan sungai, unggas dan binatang serta pelbagai lagi. Itu sebab mengapa penting langkah pemuliharaan tidak diabaikan, sebaliknya diteruskan terutamanya di kawasan yang pesat pembangunannya," tegas beliau.

Mengenai kepentingan kepelbagaian biologi kepada manusia, Pengarah Eksekutif Persatuan Pencinta Alam (MNS), Dr. Loh Chi Leong, berkata, ia penting dari segi khidmat ekologi yang perlu ditekankan seperti penyediaan udara bersih, air bersih, makanan dan ubat, di samping iklim dan persekitaran yang stabil.

"Ambil iklim dan hutan hujan sebagai contoh. Ini seperti cerita ayam dan telur: adakah hutan hujan wujud kerana hujan atau apakah ada hujan kerana hutan hujan? Kedua-duanya adalah betul kerana tanpa hutan hujan tidak akan ada cukup hujan dan tanpa hujan, tidak akan ada hutan hujan.

"Jadi, jika kita binasakan hutan hujan ini, kita akan mendapat air yang kurang dan ini terbukti di seluruh dunia. Oleh yang demikian, aspek penting untuk kewujudan kita sendiri, seperti air dan iklim kita bergantung sepenuhnya kepada keadaan ekosistem kita," jelasnya.

Kemusnahan hutan, kata beliau, bukan sahaja bererti penebangan pokok semata-mata tetapi ia mungkin kerana seekor binatang, seperti burung kenyalang yang semakin lenyap.

Burung kenyalang boleh disamakan seperti tukang kebun, kata beliau dan dengan beberapa haiwan lain, burung itu penting dalam membantu menyebarkan biji benih.

"Sekiranya, bilangan burung ini di dalam hutan berkurangan, biji benih tidak dapat disebar dan pokok-pokok tidak dapat dibiak secara berkesan. Haiwan yang bergantung kepada pokok-pokok tersebut juga akan terjejas dengan teruknya, keseluruhan hutan akan mengalami penyahgredan, iklim akan bertukar dan akhirnya, hujan dan air berkurangan," jelasnya. - Bernama

AKTIVITI membalak di Lebuhraya Pantai Timur jika tidak dipantau boleh memusnahkan ekosistem hutan seterusnya membawa kepada kemusnahan alam sekitar.

